

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 14 NOVEMBER 2022

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 36

## Pemulihan ekonomi serantau topik utama Dialog Global ASEAN

### Pemulihan ekonomi serantau topik utama Dialog Global ASEAN

**PHNOM PENH** - Dialog Global ASEAN kedua berlangsung di ibu negara Kemboja pada Ahad dengan tumpuan pada pemulihan mampan ekonomi pasca pandemik Covid-19.

Berucap pada forum itu, Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen berkata, dialog peringkat tinggi itu dijalankan khusus untuk menggalakkan pemulihan ekonomi serantau dan global.

Menurutnya, ia memberi tumpuan kepada dua topik iaitu 'Bekerja Bersama Ke Arah Pemulihan Ekonomi Inklusif' dan 'Membina ASEAN Berdaya Tahan dan Mampan Dalam Era Pasca Covid-19', menurut agensi berita Xinhua.

"Covid-19 bukan sahaja mengancam dan meragut

berjuta-juta nyawa, malah telah menimbulkan kesan negatif yang teruk terhadap aktiviti sosial, ekonomi, perdagangan dan pelaburan.

"Berpunca daripada krisis Covid-19, kita boleh mengatakan bahawa keadaan global berada dalam kedudukan bahaya daripada aspek sosial, ekonomi dan politik. Dalam situasi lain ia dilihat semakin teruk tanpa sebarang peningkatan dan kemajuan yang ketara sama sekali dan cabaran perlu ditangani bersama demi manfaat semua," katanya Hun Sen.

Dialog itu menyusul Sidang Kemuncak ASEAN ke-40 dan ke-41 dan Sidang Kemuncak Berkaitan dan menghimpunkan pemimpin atau wakil ASEAN, rakan dialognya dan institusi antarabangsa utama. - *Bernamea*